

## **FAQ SISTEM MyCost**

### 1. Apakah Perakaunan Pengurusan?

Perakaunan Pengurusan merupakan satu mekanisme berstruktur yang akan mengenalpasti, mengukur, mengumpul, menganalisis, mentafsir dan menyampaikan maklumat kewangan dan bukan kewangan kepada pembuat keputusan bagi membantu mereka merancang, menilai dan mengawal sumber secara strategik.

### 2. Apakah elemen-elemen yang terkandung dalam Perakaunan Pengurusan?

Terdapat lima (5) elemen dalam Perakaunan Pengurusan iaitu analisis penyata kewangan, penilaian risiko, pengekosan, pengukuran prestasi dan analisis sumber.

### 3. Apakah Sistem Mycost?

Mycost adalah Modul pengekosan dalam sistem iGFMAS untuk mengira kos sesuatu output di peringkat PTJ dan kos keberhasilan di peringkat menggunakan kaedah pengekosan tradisional dan pengekosan keberhasilan. Ia mempunyai tiga sub-modul utama iaitu PTJ- Based Costing (PBC), Outcome-Based Costing (OBC) dan Micro-costing (MC).

### 4. Sebelum PTJ mengunci masuk data ke sistem Mycost modul PBC, apakah yang perlu disediakan oleh PTJ?

PTJ perlu menyediakan Kamus Pengekosan Output (Kamus Mycost) sebelum memulakan proses pengekosan dalam Sistem MyCost. PTJ boleh merujuk kepada Bahagian Akaun Kementerian bagi memastikan maklumat yang terdapat dalam Kamus Pengekosan Output tersebut adalah selaras dengan keperluan Sistem MyCost.

### 5. Bagaimanakah penetapan output bagi sesebuah kementerian/ jabatan ditentukan?

Penetapan output di peringkat PTJ perlu berdasarkan cadangan berikut:

- a. Output PTJ yang menyumbang kepada Outcome Aktiviti.
- b. Output Aktiviti seperti yang dinyatakan dalam Kerangka OBB yang diluluskan; atau
- c. Output Utama Kementerian seperti yang dinyatakan dalam Pelan Strategik Kementerian; atau
- d. Output utama yang melambangkan identiti sesebuah Kementerian. Contohnya output kad pengenalan bagi Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), output pasport bagi Jabatan Imigresen Malaysia, output pesakit luar bagi hospital/klinik, output Siswazah TVET Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) ; atau
- e. Output-output PTJ berdasarkan aktiviti serta perkhidmatan pelanggan.
- f. Output-output lain yang bersesuaian untuk dikoskan.

## **FAQ MyPortfolio**

1. Adakah myPortfolio perlu dipinda sekiranya penyandang bertukar?

Tidak. myPortfolio tidak perlu dipinda kerana penyediaan myPortfolio merujuk kepada jawatan bukan penyandang. Walau bagaimanapun, maklumat pegawai yang menyandang jawatan myPortfolio tersebut perlu dikemas kini.

2. Adakah agensi perlu menyediakan satu (1) myPortfolio sahaja bagi jawatan-jawatan yang menjalankan fungsi yang sama?

Tidak. Prinsip penyediaan myPortfolio iaitu 1 myPortfolio : 1 Jawatan. Akauntabiliti dan tugas utama boleh sama bagi jawatan yang menjalankan fungsi yang sama tetapi terdapat kemungkinan perbezaan pada komponen "dimensi" seperti dinyatakan dalam JD. Oleh yang demikian, maklumat pegawai yang menyandang setiap jawatan dalam myPortfolio perlu dikemas kini.

3. Bagaimana penyediaan myPortfolio bagi jawatan fleksi gred/ fleksi skim?

Bagi jawatan fleksi gred/ fleksi skim, penyediaan myPortfolio hanya melibatkan satu (1) myPortfolio sahaja untuk setiap jawatan. Tetapi kemungkinan perbezaan myPortfolio bagi setiap gred/ skim dapat dibahagikan mengikut dimensi/akauntabiliti seperti dinyatakan dalam JD. Oleh yang demikian, maklumat pegawai yang menyandang setiap jawatan dalam myPortfolio perlu ditandakan/ dikemas kini.

4. Adakah myPortfolio boleh disediakan dalam bentuk salinan lembut (soft copy)?

Ya. myPortfolio boleh disediakan sama ada dalam bentuk fizikal (hard copy) atau soft copy dengan mengambil kira keadaan bahawa myPortfolio tersebut mudah dicapai dan dirujuk.